

**Perdana Menteri Ucap Takziah Kepada Keluarga Mangsa Bot Ekspres Karam
Bernama
30 Mei, 2013**

BELAGA, 30 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan jemaah menteri mengucapkan takziah kepada semua keluarga mangsa tragedi bot ekspres karam di Jeram Tukok-Jeram Bungan, di Sungai Rajang, Selasa lepas.

Ucapan takziah itu disampaikan menerusi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Rohani Abdul Karim, yang berkata perdana menteri dan anggota Kabinet bersedih dengan tragedi itu.

"Semalam dalam mesyuarat mingguan Kabinet, perdana menteri begitu sedih dengan kejadian itu dan oleh yang demikian beliau mengarahkan saya untuk datang (hari ini) sebagai wakil kerajaan Persekutuan," katanya kepada pemberita di pusat operasi gerakan mencari di sebuah pulau di tengah Sungai Rajang, di sini hari ini.

Terdahulu semasa di pekan Belaga, beliau mengikuti taklimat di bilik gerakan dan akan mengemukakan laporan kepada menteri yang menjaga hal ehwal Majlis Keselamatan Negara Datuk Seri Shahidan Kassim untuk melihat keperluan lain dalam operasi dan menyelamatkan.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Alfred Jabu, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Alexander Nanta Linggi, Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Belaga Liwan Lagang, dan Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak SAC Datuk Law Hong Soon.

Rohani mengumumkan sumbangan RM1,500 daripada Yayasan Kebajikan Negara (YKN) kepada setiap keluarga mangsa yang dijumpai dan disahkan meninggal dunia.

Selain itu, beliau turut mengumumkan peruntukan RM300 sehari juga daripada YKN berupa sardin, mi segera, tong gas, dan beras untuk tujuan memasak ketika gerakan mencari dan menyelamatkan dijalankan, selain sumbangan peribadi RM3,000 bagi keperluan operasi dan menyelamatkan yang kini memasuki hari ketiga.

Pada majlis yang sama, beliau menyerahkan sumbangan RM10,000 masing-masing kepada Rumah Panjang Uma Tevok dan Rumah Panjang Uma Tanjong yang membantu menempatkan mangsa bot karam yang terselamat.

Sementara itu, Jabu yang mewakili kerajaan Sarawak berkata persidangan Dewan Undangan Negeri yang diadakan semalam berjaya mengumpul RM80,000 untuk tabung mangsa bot ekspres karam itu.

Beliau turut merakamkan ucapan takziah daripada Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta seluruh rakyat Malaysia kepada keluarga mangsa tragedi itu.

Selain itu, Jabu mencadangkan agar MKN menyediakan perancangan luar jangka andainya tempoh gerakan mencari dan menyelamatkan terpaksa dilanjutkan sehingga lebih dari satu minggu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=953043>